

Malaysia harap ICFM bincang isu keganasan secara rasional

UM 1 APR APR

KUALA LUMPUR 31 Mac — Sesi Khas Menteri-Menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam (ICFM) Mengenai Keganasan selama tiga hari yang bermula esok, akan menjadi medan menetapkan satu pandangan dunia Islam berhubung takrifan dan punca keganasan yang diiktiraf masyarakat antarabangsa.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, Malaysia berharap delegasi ke persidangan itu dapat berbincang secara rasional dan penuh tanggungjawab tanpa dipengaruhi emosi khususnya dengan perkembangan terkini di Ramallah.

Walaupun tidak menolak isu Palestin akan menguasai perbincangan semasa sesi khas tersebut, beliau mengingatkan tentang fokus utama persidangan, termasuk mencari penyelesaian berhubung tanggapan negatif terhadap umat Islam.

Penyelesaian

“Kita bukan cuba mencari kesalahan sesiapa, tetapi kita mahu mencari penyelesaian bagaimana menangani ketidakadilan, kekejaman, punca keganasan dan membentuk pelan tindakan bersama menanganinya,” kata beliau pada sidang akhbar selepas merasmikan Pusat Media Antarabangsa (IMC) bagi sesi khas itu di Mines Beach Resort di sini, hari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan merasmikah sesi khas itu, esok.

Syed Hamid berkata, kini pandangan umat Islam berhadapan dengan situasi sama ada diketepikan atau tidak diberi perhatian langsung.

Justeru menurutnya, “Malaysia berharap sesi khas itu akan menjadi pembuka jalan ke arah mengadakan persidangan mengenai keganasan di peringkat antarabangsa.”

“Kerap kali akan ada ketakutan apabila kita mengada-

kan persidangan antarabangsa bahawa kita akan meneka-nakan seseorang.

“Di peringkat ini, kita perlu berbincang secara rasional dengan rasa tanggungjawab kerana jika kita melakukannya dengan emosi dan ketakutan, payahlah,” katanya.

Deklarasi

Deklarasi Kuala Lumpur yang menggariskan takrifan, punca-punca dan langkah menangani keganasan dijangka dikeluarkan pada akhir persidangan.

“Kita yakin berasaskan perkembangan semasa bahawa kita akan mencapai kata sepakat,” kata Syed Hamid.

Beliau berpendapat bahawa sudah sampai masanya pandangan umat Islam mengenai keganasan dibawa ke arus perdana dunia, terutama

ma selepas imej mereka banyak diperkatakan sejak peristiwa serangan 11 September.

Ditanya mengenai tindakan Israel mengarahkan tenteranya menggempur beberapa pusat pentadbiran Palestin, beliau menegaskan, Malaysia menganggapnya sebagai keganasan negara.

Pendirian

Dalam hal ini, katanya, pendirian Kuala Lumpur masih kekal bahawa Israel perlu mematuhi resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk membawa perdamaian di Asia Barat.

“Israel tidak patut dikecualikan daripada resolusi itu. Israel perlu menghormati pandangan masyarakat antarabangsa bagi memastikan keamanan.

“Disebabkan itu, Malaysia menyarankan supaya perlu ada pasukan antarabangsa bagi memisahkan kedua-dua pihak sebelum sebarang perbincangan dimulakan,” katanya.

Beliau menegaskan, adalah penting dibuat pengasingan antara keganasan dan perjuangan membebaskan negara daripada ditindas dan dijajah oleh orang asing.

Dalam hal ini, menurutnya, Amerika Syarikat dan PBB perlu memainkan peranan utama menggerakkan semula usaha damai antara Palestin dan Israel.

Sehubungan itu, katanya lagi, kedua-dua pihak perlu bersetuju bahawa keganasan perlu dihentikan terlebih dahulu.